

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.05.2016

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pelan strategik bagi menangani masalah kebangkrapan di kalangan rakyat Malaysia terutama di kalangan generasi muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara utama untuk mengelakkan individu daripada menghadapi kesukaran kewangan ialah dengan meningkatkan keupayaan mengurus kewangan secara berkesan sebagai satu kemahiran hidup yang penting bagi setiap individu. Oleh yang demikian, strategi menyeluruh dari peringkat

kanak-kanak sehingga dewasa sedang dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat yang bijak mengurus kewangan berdasarkan keperluan dan matlamat kewangan yang berbeza-beza. Selain itu, keperluan institusi kewangan mematuhi garis panduan amalan pembiayaan bertanggungjawab yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan satu langkah penting bagi memastikan tahap keberhutangan sentiasa terkawal. Ini disokong oleh mekanisme untuk menyusun dan menjadual semula hutang melalui Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk memberi peluang kepada peminjam yang berdepan dengan masalah kewangan melunaskan hutang masing-masing.

Justeru, BNM bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengintegrasikan elemen pendidikan kewangan ke dalam mata pelajaran teras bagi kurikulum baharu sekolah sekaligus menjadikan pengurusan kewangan sebagai kemahiran hidup sejak di bangku sekolah. Ini bertujuan melahirkan generasi akan datang yang boleh mengurus dan membuat keputusan kewangan dengan bijak. Elemen pendidikan kewangan telah mula diperkenalkan secara berperingkat sejak tahun 2014 dan sedang dilanjutkan secara berperingkat kepada semua tahun persekolahan yang lain. Menjelang 2021, semua peringkat persekolahan rendah dan menengah akan didedahkan kepada pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan di sepanjang tempoh persekolahan mereka. Inisiatif ini

disokong oleh pendidikan kewangan di institusi pengajian tinggi melalui kerjasama dengan AKPK. Sehingga kini, AKPK telah bekerjasama dengan lebih 50 institusi pengajian tinggi di negara ini untuk melaksanakan modul pengurusan kewangan peribadi kepada mahasiswa universiti.

Selain itu, program pendidikan kewangan di kalangan orang dewasa juga dilaksanakan. Bagi mewujudkan masyarakat yang mampu menguruskan kewangan dengan bijak, AKPK juga sedang giat melaksanakan program Pengurusan Wang Ringgit Anda (*POWER!*) yang diperkenalkan sejak tahun 2011. Kandungan program ini merangkumi pengurusan aliran tunai, simpanan, asas-asas pinjaman, pengurusan hutang, penggunaan kad kredit, dan asas pembelian kereta dan rumah. Program *POWER!* yang ditadbir oleh AKPK ini telah memberi manfaat kepada lebih daripada 740,000 individu manakala program pendidikan kewangan yang lain oleh AKPK telah memanfaatkan lebih daripada 460,000 individu.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping program pendidikan dan kesedaran, untuk menggalakkan pembiayaan dan pinjaman secara berhemat, BNM telah mengeluarkan Garis Panduan Amalan Pembiayaan Bertanggungjawab yang mengkehendaki institusi kewangan memastikan pinjaman yang diberikan adalah berdasarkan kemampuan seseorang individu untuk membayar semula pinjaman

tanpa dibelenggu bebanan hutang yang melampau sepanjang tempoh pinjaman. Ini akan memastikan peminjam mempunyai penampakan kewangan yang mencukupi untuk perbelanjaan sara hidup dan dapat melindungi diri daripada kenaikan kos dan komitmen kewangan yang tidak dijangka. Ini adalah penting memandangkan kebiasaannya seseorang individu menghadapi kesukaran kewangan disebabkan kehilangan punca pendapatan, perbelanjaan perubatan yang tinggi serta tiada perancangan kewangan.

Keperluan melaksanakan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab turut terpakai ke atas semua pembiayaan atau pinjaman produk runcit yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM, koperasi kredit di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Malaysia Building Society Berhad dan AEON Credit Service (M) Berhad. Ini adalah untuk memastikan keseragaman dalam amalan pembiayaan oleh semua penyedia kredit utama.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah membantu peminjam yang berhadapan dengan masalah kewangan turut dilaksanakan. Individu yang menghadapi masalah kewangan dan kesukaran untuk membayar balik pinjaman boleh berbincang dengan institusi kewangan masing-masing atau menghubungi AKPK untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan. Antara peranan penting AKPK dalam membantu individu yang

menghadapi masalah menguruskan kewangan mereka ialah mencadangkan individu tersebut melakukan perubahan gaya hidup, membantu mereka menyusun semula hutang dan membuat pelan pembayaran balik yang bersesuaian mengikut profil dan komitmen peminjam melalui perundingan dengan institusi perbankan yang terlibat. Semua golongan masyarakat adalah dipelawa memanfaatkan peluang untuk meningkatkan keupayaan mengurus kewangan secara bijak dengan mendapatkan khidmat kaunseling dan pendidikan kewangan yang ditawarkan secara percuma oleh AKPK. AKPK boleh dihubungi di alamat dan nombor telefon ibu pejabat seperti berikut:

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Aras 8, Maju Junction Mall

1001 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Talian Bebas Tol : 1800-88-2575

E-mel: enquiry@akpk.org.my

Laman web: www.akpk.org.my

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN : LANGKAWI
TARIKH : 26 MEI 2016, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan Kerajaan ada perancangan bagi membina jalan alternatif dari Kampung Chandek Kura ke Pantai Chenang, Langkawi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuh Raya, Semenanjung Malaysia atau HNPD Fasa 1 (2008 – 2020), kementerian ini tiada perancangan untuk membina jalan baharu atau menaik taraf Jalan Persekutuan sedia ada di Pulau Langkawi sehingga tahun 2020. Ini termasuklah cadangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan FT116 dari Kg. Chandek Kura hingga ke Pantai Chenang, Langkawi.

Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk berbincang dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, iaitu Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan pihak polis bagi mengurangkan impak kesesakan yang sering berlaku di kawasan-kawasan tumpuan awam seperti di Pekan Kuah dan Jalan Pantai Chenang. Ini boleh dilaksanakan menerusi cadangan pengurusan trafik yang lebih bersistematik dan penguatkuasaan undang-undang terhadap kenderaan yang menghalang kelancaran trafik.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DR. ISMAIL BIN DAUT
TARIKH : 26.5.2016
SOALAN : NO. 112

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah lelasan pelajar universiti penyelidikan (RU) sejak penubuhannya dan apakah kejayaan-kejayaan yang telah diperoleh hasil dari penyelidikan yang telah dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pendidikan tinggi negara, bermula tahun 2006 hingga 2015, terdapat seramai 337,509 orang graduan (31peratus) adalah merupakan keluaran (output) daripada Universiti Penyelidikan [Research University (RU)] daripada 1,072,903 orang orang graduan keseluruhan di Universiti Awam (UA).

Status RU yang diperkenalkan pada tahun 2006 telah berjaya mengubah landskap pendidikan tinggi negara terutamanya dari aspek penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan. Dalam tempoh dari tahun 2005 hingga 2015, Universiti Penyelidikan secara konsisten telah meningkatkan penerbitan kertas penyelidikan yang bertaraf antarabangsa. Berdasarkan laporan yang diterbitkan pada November 2015 oleh *Thomson Reuters* bertajuk *ASEAN Research Landscape* telah mengiktiraf pencapaian Malaysia di dalam penerbitan akademik. Malaysia telah berjaya meningkatkan penghasilan penerbitan akademik sebanyak 594% bagi tempoh 2007-2014. Ini merupakan pencapaian tertinggi negara berbanding negara ASEAN lain seperti Singapura (92%), Thailand (168%) dan Vietnam (327%). Selain itu, pencapaian Malaysia juga mengatasi blok ekonomi dunia seperti EU (46%), USA (34%) dan peningkatan global secara purata pada 36%.

Kementerian juga berbangga dengan RU pada masa kini yang terus-menerus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun. Berdasarkan *QS-World University Rankings* 2015 yang dikeluarkan pada 15 September 2015, buat pertama kalinya Universiti Malaya (UM) berada di kedudukan ke-146 terbaik dunia berbanding kedudukan 151 tahun 2014. Universiti Sains Malaysia (USM) juga meningkat ke kedudukan 289 dari 309 dan Universiti Putra Malaysia (UPM) meningkat ke kedudukan 331 dari 370 pada tahun 2014.

Selain itu, 3 orang penyelidik dari RU telah berjaya disenaraikan sebagai Minda Saintifik Paling Berpengaruh Di Dunia bagi tahun 2015 oleh *Thomson Reuters*. Pengiktirafan ini diberikan kepada penyelidik dikalangan 'top 1%' daripada 9 juta penyelidik di seluruh dunia yang menghasilkan lebih daripada 2 juta penulisan hasil kajian setiap tahun. Carian untuk menyenaraikan ahli saintis atau penyelidik yang tersohor ini adalah melalui pangkalan data serta statistik yang dijana dan dilaporkan oleh *Thomson Reuters*.